




PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Takut, tak tahu hendak buat apa punca ditipu sindiket
Publication/Portal: Kosmo
Date: 18 April 2022

Language: Malay
Section: Negara
Page: 2

Takut, tak tahu hendak buat apa punca ditipu sindiket



SINDIKET Macau Scam akan menghubungi mangsa kononnya mereka mempunyai cukai atau saman tertunggak. – GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA – Seorang guru wanita memberitahu, tindakannya yang percaya bulat-bulat dengan ugutan sindiket *Macau Scam* tanpa membuat pemeriksaan dengan pihak berkaitan telah menyebabkan dia kerugian RM30,000 bulan lalu.

Mangsa yang dikenali sebagai Afisyah, 34, berkata, dia terkejut apabila baki wang di dalam akaun hanya ada RM50 selepas berkongsi maklumat perbankan.

“Saya dapat surat Lembaga Hasil Dalam Negeri dan panggilan daripada ketua operasinya mengatakan saya ada cukai tertunggak sebanyak RM38,800.

“Sindiket mengatakan mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap ke atas saya. Setelah itu saya dihubungi pihak po-

lis yang meminta saya memberi kerjasama dan membuat rayuan bagi menangguhkan penahanan saya dengan memberi maklumat perbankan,” katanya.

Menurut Afisyah, dia diberi tiga hari untuk memberi kerjasama bagi membersihkan namanya daripada tuduhan di mahkamah.

Tambahnya, dia tidak tahu bagaimana dia boleh menceritakan dan memberi maklumat perbankan kepada sindiket.

“Saya jadi takut dan tidak tahu nak buat apa selain ikut segala arahan dengan memindahkan semua duit di Amanah Saham Bumiputera ke dalam akaun yang dikongsikan kepada sindiket,” katanya.

Sementara itu, seorang ibu muda yang sedang berpantang,

Siti, 26, berkata, dia kerugian RM3,000 apabila diperdaya sindiket *Macau Scam*.

“Saya terima dua panggilan daripada Pos Laju mengatakan ada bungkusan mengandungi lapan keping kad bank yang diposkan menggunakan nama saya.

“Mereka kata saya perlu buat laporan polis secara online kerana saya ada satu akaun yang terlibat dengan kes dadah dan ubah wang haram. Mereka suruh saya pindahkan RM3,000 ke dalam satu akaun untuk disiasat,” katanya.

Amirul Rizaki Rambli, 34, pula berkata, sikapnya yang ragu-ragu dan membuat semakan menyelamatkannya daripada ditipu lebih RM8,000 oleh sindiket sama baru-baru ini.